

<b>Headline</b>	<b>UMW Toyota giatkan usaha tanam pokok di Selangor</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>05 Jul 2014</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Kosmo 2</b>	<b>Circulation</b>	<b>218,251</b>
<b>Page No</b>	<b>60</b>	<b>Readership</b>	<b>654,753</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>177 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,269</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 6,808</b>



## UMW Toyota giatkan usaha tanam pokok di Selangor

UMW Toyota Motor (UMW Toyota) melaksanakan dua aktiviti tanaman pokok di sekitar Selangor bagi meraikan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia yang jatuh pada Jun lalu. Program kali ini melibatkan kakitangan syarikat, pihak berkuasa dan masyarakat setempat.

Aktiviti pertama melibatkan seramai 30 kakitangan Assembly Services Sdn. Bhd. untuk menyemai benih beberapa spesies pokok terancam termasuk hengal, merbau, balau dan berlian di hutan simpanan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong, Selangor.

Program kedua pula menyaksikan sebanyak 1,500 batang pokok berjaya ditanam di kawasan sekitar Taman Tasik Kota Kemuning bersama Majlis Bandaraya Shah Alam dan komuniti setempat. Turut hadir memberi sokongan dan melancarkan program itu ialah Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mohd. Jaafar Mohd. Atan.

Aktiviti tanaman pokok merupakan sebahagian daripada program tanggungjawab sosial UMW Toyota dan syarikat automotif itu mahu memberi pulangan kepada masyarakat setempat dengan menghijaukan kawasan setempat untuk generasi akan datang.



MOHD. JAAFAR (dua dari kiri) bersama pengurusan tertinggi UMW Toyota menanam pokok manggis di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.